

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan masukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, KSSUP, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam:-

1.1 Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 27 Mei 2025.

**JPt/TAW/01/2025-2026: MEMBEKAL BAJA SEBATIAN NPK 12:12:17:2
SEBANYAK 3,300 BEG (50KG/BEG) BAGI BANTUAN
INSENTIF JABATAN.
(Yuran Tawaran \$30.00 | Borang Tawaran \$15.00)**

2. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran hendaklah dalam **sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.**
4. Dokumen dan borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Yuran Tawaran adalah dikehendaki bagi setiap tajuk dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
8. Tawaran ini dibukakan kepada Syarikat Swasta yang terdiri daripada pengedar atau penjual baja yang berpengalaman dan berkeupayaan dalam kerja-kerja pembekalan baja yang dikehendaki (Sila sertakan salinan sijil atau persuratan yang menyatakan bahawa Syarikat berkenaan terlibat dalam pengedaran atau penjualan baja).
9. **Sampel baja sebanyak 500 gm berserta sijil Analisis (*Certificate of Analysis*) kandungan nutrien baja dan contoh beg bersama lapisan beg plastik yang kedap udara yang hendak dibekalkan mestilah dihantar ke Unit Sains Tanah dan Nutrien Tanaman, Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei tidak lewat dua (2) minggu selepas tarikh tawaran ditutup.** Kegagalan menghantar contoh ini boleh menyebabkan tawaran dari syarikat tersebut ditolak.
10. Tawaran yang diiklankan di atas boleh dilayari melalui laman web Jabatan Pertanian dan Agrimakanan seperti berikut:-

Website: <http://www.agriculture.gov.bn>